



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1568

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 2018

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	27 April 2018
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	4 Mei 2018

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1568

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 2018

Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “harta daripada risiko kebakaran” perkataan “atau kecemasan”.

Pindaan seksyen 2**3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam takrif “kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran”—

(i) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

(ii) dalam perenggan (g), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “atau”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(h) mengawal merebaknya asap akibat daripada kebakaran;”;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran” takrif yang berikut:

“ “kenderaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];”;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “notis” takrif yang berikut:

“ “Pasukan Bomba Sukarela” ertinya Pasukan Bomba Sukarela yang ditubuhkan di bawah seksyen 4B;”;

(d) dalam takrif “Pegawai Kanan Bomba”, dengan menggantikan perkataan “Penolong Penguasa” dengan perkataan “Penolong Penguasa Bomba”;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “pemunya” takrif yang berikut:

“ “Pendaftar” ertinya Ketua Pengarah;” dan

- (f) dalam takrif “tugas khas”, dengan menggantikan perkataan “pegawai diberi kuasa” dengan perkataan “Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan atau Pegawai Bomba Sukarela”.

Pindaan seksyen 3

4. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “Penolong Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat,”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “, Penolong Ketua Pengarah,”;
- (c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “dan Pegawai Bomba Bantuan” dengan perkataan “, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Bomba Sukarela”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:
 - “(7) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua.”.

Pindaan seksyen 4

5. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**Pelantikan**”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
 - “(1A) Ketua Pengarah boleh menaikkan pangkat Pegawai Bomba Bantuan.”.

Seksyen baharu 4A, 4B, 4C dan 4D

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Pegawai Bomba Sukarela

4A. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan persetujuan Menteri, melantik beberapa orang Pegawai Bomba Sukarela atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh menaikkan pangkat Pegawai Bomba Sukarela.

(3) Ketua Pengarah boleh menamatkan pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(4) Pegawai Bomba Sukarela tidak boleh dibayar apa-apa saraan selain apa-apa elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(5) Pegawai Bomba Sukarela hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan langsung Ketua Pengarah.

Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela

4B. (1) Suatu Pasukan Bomba Sukarela yang mengandungi sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Bomba Sukarela boleh memohon untuk didaftarkan dengan Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subseksyen (1), meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Pendaftar hendaklah, apabila meluluskan pendaftaran Pasukan Bomba Sukarela, menetapkan suatu kawasan jagaan kepada Pasukan Bomba Sukarela.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “kawasan jagaan” ertinya suatu kawasan yang penyelamatan dan bantuan disediakan sekiranya berlaku kebakaran.

Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar

4c. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu daftar Pegawai Bomba Sukarela dan suatu daftar Pasukan Bomba Sukarela.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi—

(a) nama dan apa-apa butiran lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar bagi tiap-tiap Pegawai Bomba Sukarela yang dilantik dan tiap-tiap Pasukan Bomba Sukarela yang berdaftar dan kawasan jagaannya; dan

(b) nama dan apa-apa butiran lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar bagi tiap-tiap Pegawai Bomba Sukarela yang pelantikannya ditamatkan dan tiap-tiap Pasukan Bomba Sukarela yang pendaftarannya telah dibatalkan.

(3) Pendaftar boleh melantik seorang Timbalan Pendaftar dan beberapa orang Penolong Pendaftar dari kalangan Pegawai Bomba yang hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendaftar.

(4) Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa dan menjalankan fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini, dan semasa ketiadaannya kuasa dan fungsi itu boleh dijalankan oleh Timbalan Pendaftar.

(5) Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar boleh menjalankan semua kuasa dan fungsi yang diberikan kepada Pendaftar oleh atau di bawah Akta ini, tertakluk kepada apa-apa sekatan yang boleh dikenakan oleh Pendaftar.

Rayuan

4d. Apabila suatu pelantikan seorang Pegawai Bomba Bantuan atau Pegawai Bomba Sukarela ditamatkan oleh Ketua Pengarah, suatu rayuan sebagaimana yang ditetapkan, boleh dibuat kepada Menteri.”.

Pindaan seksyen 6

7. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan Pegawai Bomba Bantuan” dengan perkataan “, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Bomba Sukarela”.

Seksyen baharu 7A dan 7B

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

“Pengurniaan pingat atau pangkat kehormat

7A. Ketua Pengarah boleh menentukan perkara yang berhubungan dengan pengurniaan pingat atau pangkat kehormat kepada mana-mana orang yang difikirkannya sesuai.

Perintah tetap

7B. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah tetap bagi kawalan, arahan dan maklumat am Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Bomba Sukarela di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 18

9. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Pegawai Bomba**” perkataan “**atau Pegawai Bomba Bantuan**”;

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Pegawai Bomba” perkataan “atau Pegawai Bomba Bantuan”;

(ii) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(f) mengeluarkan atau mengarahkan pemindahan bahan mudah terbakar, letupan atau berbahaya di dalam atau di sekitar premis;

(g) menutup atau memutuskan atau mengarahkan mana-mana orang yang mempunyai kawalan untuk menutup atau memutuskan apa-apa bekalan tenaga termasuk bekalan gas, bekalan bahan api atau bekalan elektrik di dalam atau di sekitar premis; dan

(h) mengeluarkan, dengan paksa jika perlu, mana-mana kenderaan atau objek yang menghalang kerja Jabatan Bomba dan Penyelamat.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bagi maksud perenggan (1)(e), tiada bayaran boleh dikenakan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa air kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi penggunaan air dalam menjalankan tugas mereka di bawah Akta ini.”.

Seksyen baharu 18A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

“Kuasa mendapatkan maklumat

18A. (1) Bagi maksud perenggan 5(1)(b), seorang Pegawai Bomba boleh, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada seseorang, menghendaki orang itu—

(a) untuk memberikan semua maklumat yang berhubungan dengan kebakaran; dan

- (b) untuk hadir di hadapan seorang Pegawai Bomba untuk memberikan pernyataan lisan dan Pegawai Bomba hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, mengubah pernyataan lisan itu ke dalam bentuk bertulis.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 20

11. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**dan Pegawai Bomba Bantuan**” dengan perkataan “**, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Bomba Sukarela**”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “atau Pegawai Bomba Bantuan” dengan perkataan “**, Pegawai Bomba Bantuan atau Pegawai Bomba Sukarela**”.

Seksyen baharu 27A

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 seksyen yang berikut:

“Organisasi keselamatan kebakaran di premis ditetapkan

27A. (1) Pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan hendaklah menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran.

(2) Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan yang tidak mematuhi subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 29

13. Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran yang mencukupi, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran”; dan
- (b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “kemudahan” dengan perkataan “kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran”.

Pindaan seksyen 32

14. Seksyen 32 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**kemudahan keselamatan, dsb.**” dengan perkataan “**kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran**”; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran” dengan perkataan “kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran”; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “facilities” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “fire-fighting equipment or fire safety installation”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kemudahan” dan “kelengkapan”, masing-masing dengan perkataan “kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran”; dan

- (d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “kemudahan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran”.

Pindaan seksyen 33

15. Seksyen 33 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kesalahan” perkataan “dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 45

16. Seksyen 45 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Suruhanjaya Siasatan Kebakaran”; dan

- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana orang atau beberapa orang” perkataan “untuk membentuk suatu suruhanjaya dan”.

Pindaan seksyen 51

17. Seksyen 51 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Pegawai Bomba**” perkataan “, **Pegawai Bomba Bantuan atau Pegawai Bomba Sukarela**”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “atau Pegawai Bomba Bantuan” dengan perkataan “, **Pegawai Bomba Bantuan atau Pegawai Bomba Sukarela**”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “pegawai penjaga” dengan perkataan “**Pegawai Bomba**”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas perkataan “melakukan suatu kesalahan” perkataan “dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 56

18. Seksyen 56 Akta ibu dipinda, dengan memasukkan selepas perkataan “suatu kesalahan” perkataan “dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Seksyen baharu 61A

19. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 61 seksyen yang berikut:

“Kewajipan untuk memberitahu jika berlakunya kebakaran

61A. Jika berlakunya kebakaran ke atas mana-mana premis, kenderaan atau vesel, pemunya premis, kenderaan atau vesel, atau penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis itu, hendaklah dengan serta-merta memberitahu berlakunya kebakaran itu kepada balai bomba yang terdekat.”.

Pindaan seksyen 62

20. Seksyen 62 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(ca), dengan memasukkan selepas perkataan “penubuhan” perkataan “, tugas dan kuasa”;
- (b) dalam perenggan (1)(d), dengan memasukkan selepas perkataan “penubuhan” perkataan “, tugas dan kuasa”;
- (c) dalam perenggan (1)(e), dengan menggantikan perkataan “dan Pegawai Bomba Bantuan” dengan perkataan “, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Bomba Sukarela”;

(d) dalam perenggan (1)(f), dengan memasukkan selepas perkataan “Pegawai Bomba Bantuan” perkataan “dan Pegawai Bomba Sukarela”; dan

(e) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “satu ribu” dengan perkataan “sepuluh ribu”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “tiga tahun”.

Penggantian Jadual Kedua

21. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

[Subseksyen 3(6)]

(A) PANGKAT PEGAWAI BOMBA

(i) Penguasa Bomba

Ketua Pesuruhjaya Bomba

Pesuruhjaya Bomba

Timbalan Pesuruhjaya Bomba

Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba

Penolong Pesuruhjaya Bomba

Penguasa Kanan Bomba I

Penguasa Kanan Bomba II

Penguasa Bomba

(ii) Penolong Penguasa Bomba

Timbalan Penguasa Bomba

Penolong Kanan Penguasa Bomba

Penolong Penguasa Bomba

(iii) Pegawai Bomba

Pegawai Bomba Tinggi

Pegawai Bomba Kanan I

Pegawai Bomba Kanan II

Pegawai Bomba

(B) PANGKAT PEGAWAI BOMBA BANTUAN

Pegawai Bomba Bantuan Tinggi

Pegawai Bomba Bantuan Kanan I

Pegawai Bomba Bantuan Kanan II

Pegawai Bomba Bantuan

(C) PANGKAT PEGAWAI BOMBA SUKARELA

Pegawai Bomba Sukarela Tinggi

Pegawai Bomba Sukarela Kanan I

Pegawai Bomba Sukarela Kanan II

Pegawai Bomba Sukarela”.

Peruntukan kecualian dan peralihan

22. (1) Mana-mana Pasukan Bomba Sukarela yang telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah didaftarkan di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda di bawah Akta ini.

(2) Semua perkara yang berhubungan dengan Pasukan Bomba Sukarela hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda di bawah Akta ini.